

28 April 2012

Dua penganggur edar ganja berdepan hukuman mati



MELVIN Pui Kiam Hiong (kiri) dan Brian Chong Thian Voon sempat tersenyum semasa dibawa ke Mahkamah Majistret di Petaling Jaya, semalam.

PETALING JAYA 27 April - Dua penganggur yang berdepan hukuman mati di tali gantung kerana dituduh mengedar 1,384 gram ganja, masih mampu tersenyum semasa dibawa untuk dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Semasa prosiding, Melvin Pui Kiam Hiong, 22, dan Brian Chong Thian Voon, 21, hanya mengangguk tanda faham terhadap pertuduhan yang dibacakan kepada mereka di hadapan Majistret Surya Wati Shawal.

Kedua-dua lelaki itu didakwa melakukan perbuatan itu di hadapan 7-Eleven, S-00-15, Tingkat Bawah, Impian Meridian, Jalan Subang 1, USJ 1, Subang Jaya di sini pada pukul 7.40 pagi, 13 April lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta tersebut yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Tiada sebarang pengakuan direkodkan daripada kedua-dua tertuduh yang masing-masing berasal dari Sarawak itu.

Mereka turut menghadapi tuduhan kedua iaitu didakwa memiliki 19.6 gram ganja di No. 15-03, Hotel Summit, Jalan Persiaran Kewajipan, USJ 1, Subang Jaya pada pukul 6.15 pagi hari yang sama.

Mereka bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu yang didakwa mengikut Seksyen 6 akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya.

Pegawai Pendakwa, Muhammad Arif Faizal mencadangkan agar kedua-dua tertuduh tidak dibenarkan diikat jamin bagi setiap kes.

Surya Wati membenarkan permohonan itu dan menetapkan 11 Jun depan untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan kimia.

.